

**UCAPAN KHAS SIRIH PULANG KE GAGANG OLEH  
YANG AMAT ARIF KETUA HAKIM NEGARA MALAYSIA,  
TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN JUBLI EMAS  
FAKULTI UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI MALAYA**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA  
17 JUN 2022 (JUMAAT)**

**SALUTASI**

- (1) **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob,**  
Perdana Menteri Malaysia;
- (2) **Yang Amat Berbahagia, Tun Arifin bin Zakaria,**  
Mantan Ketua Hakim Negara,
- (3) **Yang Amat Berbahagia, Tun Md Raus bin Sharif,** Mantan Ketua Hakim Negara dan Penaung Pertubuhan Alumni Rumpun Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya ('PARFUM');
- (4) **Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan,** Menteri Tenaga dan Sumber Asli, dan Timbalan-Timbalan Menteri;

- (5) **YAA-YAA dan YA Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman;**
- (5) **Yang Berbahagia Tan Sri Zarinah binti Anwar, Pengerusi Lembaga Universiti Malaya dan ahli-ahli Lembaga;**
- (6) **Profesor Datuk Dr Mohd Hamdi bin Abd Shukor, Naib Canselor Universiti Malaya;**
- (7) **Yang Berbahagia Tan Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Presiden PARFUM;**
- (8) **Dato' Profesor Madya Dr Johan Shamsuddin bin Haji Sabaruddin, Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya;**
- (9) Para tetamu, hadirin dan hadirat serta para alumni yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.

## **PENDAHULUAN**

- [1] Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga kita dapat berkumpul di sini pada petang yang mulia ini bagi majlis pelancaran sambutan perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

[2] Sesungguhnya, saya amat berbesar hati untuk hadir bagi menyampaikan ucapan ‘Sirih Pulang ke Gagang’ dalam majlis yang cukup gemilang ini.

[3] Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya telah ditubuhkan pada 21 April 1972, pada hari Jumaat yang penuh barokah, sebagai institut pengajian tinggi undang-undang yang pertama di Malaysia di bawah pimpinan Allahyarham Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim sebagai dekan yang pertama.

[4] Saya mendaftarkan diri sebagai pelajar di Fakulti Undang-Undang, pada tahun 1978. Alhamdulillah, setelah menamatkan pengajian selama 4 tahun, saya telah menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang pada tahun 1982.

[5] Saya adalah salah seorang pelajar dalam *batch* yang ketujuh dan kami adalah kumpulan yang pertama yang didaftarkan seramai 100 pelajar. Sebelum kami, jumlah pelajar bagi satu *batch* adalah terhad kepada 50 orang.

[6] Daripada 100 pelajar dalam *batch* ke 7, selain saya yang telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara, 12 orang telah dilantik sebagai hakim di semua peringkat Mahkamah atasan, seorang pernah menyandang jawatan sebagai Menteri Besar Johor, seorang lagi merupakan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara dan seorang bekas wakil *World Bank*. Malah, ada juga yang pernah menjadi tahanan ISA (*Internal Security Act*).

[7] Saya difahamkan bahawa kemasukan pelajar tahunan pada masa ini telah meningkat tetapi secara keseluruhannya kumpulan kemasukan masih dalam bilangan yang kecil. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya adalah institut pengajian tinggi undang-undang yang terulung di negara ini dan seharusnya ada persaingan yang tinggi untuk kemasukan ke Fakulti ini. Kita harus menitikberatkan aspek kualiti berbanding kuantiti demi mengeluarkan graduan yang berwibawa dan terkemuka di negara ini.

[8] Dalam tempoh 50 tahun penubuhan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, ia telah melahirkan ramai pemimpin dan peneraju daripada pelbagai latar belakang, etnik, dan bangsa dari seluruh pelosok Malaysia. Pada masa ini, keempat-empat jawatan tertinggi Badan Kehakiman disandang oleh graduan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, begitu juga dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Peguam Negara dan lebih-lebih lagi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

[9] Selain sektor awam, ramai juga graduan kita yang telah melopori sektor swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Mereka juga telah banyak menyumbang ke arah pembangunan negara dan juga sistem undang-undang di negara kita.

## **SIRIH PULANG KE GAGANG**

[10] Tema ucapan ‘Sirih Pulang ke Gagang’, membawa saya kembali ke zaman saya berada di Fakulti Undang-Undang. Banyak perkara telah berubah sejak kali terakhir saya berada di sini sebagai seorang pelajar. Antaranya, kini Fakulti Undang-Undang sudah mempunyai bangunannya

yang tersendiri. Ketika saya belajar dahulu, kelas kami ditempatkan di bangunan Institut Pengajian Tinggi. Saya masih ingat saat-saat saya menunggu bersama-sama rakan sekelas, di atas tangga atau di tepi ‘longkang’ untuk masuk ke kelas.

[11] Mengimbau kembali kenangan kami semasa bergelar pelajar di Fakulti, tidak hairanlah jika pensyarah kami pernah berkata “*those loafers...* tunggu masuk lecture duduk bawah tangga”! atau pernah juga mereka berkata “duduk nganga tepi longkang”! Apa pun, selepas 40 tahun menerima Ijazah di Dewan Tunku Cancellor ini, hari ini kita bertemu semula di DTC, masing-masing dengan pencapaian yang boleh dibanggakan. Alhamdulillah.

[12] Sebenarnya, tidak banyak hal menarik yang dapat saya kongsikan, kerana boleh dikatakan fokus saya hanya kepada pelajaran. Pun begitu tidak pernah terlintas di fikiran saya ketika itu bahawa saya akan menjadi seorang hakim apatah lagi Ketua Hakim Negara.

[13] Empat tahun di Fakulti, saya mempelajari banyak perkara, bukan sekadar dari sudut undang-undang tetapi juga nilai-nilai dan prinsip-prinsip kehidupan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membentuk pemahaman perundangan saya hari ini. Antaranya, Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim, Tan Sri Professor Visu Sinnadurai, Tan Sri Rafiah Salim, Tunku Professor Dato' Dr. Hajjah Sofiah Jewa, Dato' Sulaiman Abdullah, Profesor Datin Mehrun Siraj, Professor Dato' P. Balan, Profesor Azmi Khalid, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof dan Dr Alima Joned.

[14] Sering kali saya tekankan prinsip-prinsip perundangan yang telah sebatи dengan diri saya dalam ucapan dan alasan penghakiman saya. Prinsip-prinsip ini telah diterapkan dalam diri saya sepanjang 4 tahun pembelajaran saya di Fakulti Undang-Undang dan sepanjang perjalanan kerjaya saya. Prinsip-prinsip ini antara lain termasuklah prinsip keadilan tanpa berat sebelah dan sebagai seorang hakim, kebebasan untuk membuat keputusan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan lunas undang-undang tanpa apa-apa tekanan atau pengaruh – dalaman atau luaran. Ini juga selari dengan sumpah Jawatan dan Taat Setia seorang hakim iaitu untuk sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Malaysia.<sup>1</sup>

[15] Dalam melaksanakan tugas kehakiman, Hakim-hakim di Malaysia adalah terikat dengan prinsip undang-undang yang sedia ada. Sama ada seseorang hakim itu menggunakan atau tidak, prinsip-prinsip tersebut, tidak bermakna dia seorang yang ‘liberal’ atau ‘konservatif’. *In my view, there are only legally coherent or incoherent decisions – not liberal or conservative decisions.*

[16] Badan Kehakiman di negara ini sentiasa berpegang teguh kepada konsep keluhuran perlembagaan. Saya memetik penghakiman Tun Suffian di dalam kes *Ah Thian v Government of Malaysia* [1976] 1 MLJ 112, at page 113:

“The doctrine of the supremacy of Parliament does not apply in Malaysia. Here we have a written constitution. The power of Parliament and of State legislatures in Malaysia is limited by the Constitution, and they cannot make any law they please.”.

---

<sup>1</sup> Jadual Ke-Enam, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

[17] Juga dari bukunya, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, seperti yang berikut:<sup>2</sup>

“If Parliament is not supreme and its laws may be invalidated by the courts, are the courts then supreme? The answer is yes and no – the courts are supreme in some ways but not in others. They are supreme in the sense that they have the right – indeed the duty – to invalidate Acts enacted outside Parliament’s power, or Acts that are within Parliament’s power but inconsistent with the Constitution. But they are not supreme as regards Acts that are within Parliament’s power and are consistent with the Constitution. The court’s duty then is quite clear; they must apply the law in those Acts without question, irrespective of their private view and prejudice.”.

[18] Demikian kata-kata Tun Suffian, lebih kurang 40 tahun yang lalu.

[19] Mungkin ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa, melalui keputusan mengenai isu perlombagaan beberapa tahun kebelakangan ini, Badan Kehakiman lebih berkuasa daripada sebelumnya. Hakikatnya, Badan Kehakiman hanyalah mempertahankan fungsi kehakimannya dengan mengikuti duluhan atau *precedent* yang telah ditetapkan. Selain kes *Ah Thian*, *precedent* terbaharu adalah kes-kes *Semenyih Jaya Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat and another case* [2017] 3 MLJ 561 ('*Semenyih Jaya*') dan *Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* [2018] 1 MLJ 545 ('*Indira Gandhi*'). Kedua-dua kes *Semenyih Jaya* dan *Indira Gandhi* telah diputuskan masing-masing dalam tahun 2017 dan 2018 secara sebulat suara oleh lima hakim, sebelum saya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

---

<sup>2</sup> Tun Mohamed Suffian Hashim in *An Introduction to the Constitution of Malaysia* (3<sup>rd</sup> edition, Pacifica Publications, 2007), at page 18.

[20] Selanjutnya, terdapat kes yang ketiga iaitu kes *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 4 MLJ 1, yang juga telah diputuskan secara sebulat suara oleh sembilan hakim Mahkamah Persekutuan di mana prinsip undang-undang perlembagaan yang telah diputuskan dalam kes *Semenyih Jaya* dan *Indira Gandhi* telah diperkuuhkan.

[21] Prinsip-prinsip yang telah diputuskan melalui ketiga-ketiga kes di atas, yang seringkali disebut sebagai ‘*trilogy of cases*’ adalah selari dengan pemahaman saya, yang sedikit sebanyak terbentuk hasil pelajaran yang saya perolehi di Fakulti. Saya dengan tulus ikhlas sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar yang penting kepada saya.

[22] Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai graduan Fakulti Undang-Undang yang pertama yang menyandang jawatan Eksekutif yang tertinggi di Malaysia. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pentadbiran Yang Amat Berhormat yang sentiasa menghormati kebebasan Badan Kehakiman Malaysia. Sebagai graduan Fakulti Undang-Undang yang sama, saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberikan sokongan dan kepercayaan yang berterusan kepada Badan Kehakiman dalam melaksanakan tanggungjawabnya mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

[23] *The Law Faculty has gone on to produce stellar graduates who are now doing their part as citizens in every way, shape or form. The Faculty is the very birthplace of excellence and quality and as such, both the University and the Law Faculty must continue to aspire to greater heights to preserve the achievements of these past 50 years and to nurture inspiring talent for the many more years that are to come.*

[24] Secara keseluruhannya, saya sangat berbangga menjadi alumni Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dan saya menyokong segala usaha untuk memartabatkan Fakulti.

[25] Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PARFUM yang diterajui oleh Tan Sri Shahrizat binti Abdul Jalil atas penganjuran sambutan ulang tahun yang ke-50 Fakulti. Ucapan syabas dan tahniah juga ditujukan kepada Fakulti di bawah pimpinan Dekan, Dato' Professor Madya Dr Johan Shamsuddin bin Sabaruddin.

[26] Saya juga menyokong sepenuhnya inisiatif yang dicadangkan oleh PARFUM untuk menubuhkan PARFUM Jurist Lecture Series sebagai suatu inisiatif dan idea yang bernas untuk membudayakan wacana akademik antara alumni, para pelajar dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain. Saya juga menyanjung usaha-usaha baik PARFUM untuk menubuhkan Legal Aid Clinic untuk membantu pihak-pihak yang memerlukan bantuan guaman selaras dengan konsep akses kepada keadilan. Mungkin tiba masanya bagi alumni yang belum menjadi ahli untuk segera mendaftarkan diri sebagai ahli agar PARFUM menjadi keluarga yang lebih besar dan lebih bermakna dengan penyertaan meluas daripada ahli-ahli.

[27] Saya pasti kembalinya kita semua di sini membawa seribu satu kenangan manis. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan sambutan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang yang kita sayangi ini.

[28] Sekian, Wabillahitawfik wal hidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.